PUTRAJAYA: Kerajaan terpaksa menaikkan kadar tol di antara 20 hingga 60 peratus di lima lebuh raya di sekitar Lembah Klang kerana ada kewajarannya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kenaikan kadar tol itu juga tidak akan menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) untuk menang dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam pada 28 Januari ini.

"Ada pihak yang cuba menyusahkan kerajaan selepas keputusan menaikkan tol dengan tujuan mencari undi atau membuat rakyat benci pada kerajaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas bantahan segelintir rakyat termasuk parti pembangkang mengenai kenaikan tol itu dan sama ada isu itu akan menjejaskan peluang BN untuk mengekalkan kerusi DUN Batu Talam.

Abdullah berkata, Kabinet memutuskan kenaikan tol di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Shah Alam (Kesas), Lebuhraya Cheras-Kajang, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KL-Karak) dan Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) mulai 1 Januari lalu, dengan sebab tertentu, bukan bertujuan menyusahkan rakyat.

Katanya, keputusan itu terpaksa diambil kerana ada kewajarannya walaupun tindakan berkenaan tidak menyenangkan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan cuba menguruskan negara dengan cara terbaik dan setiap tindakan yang dilaksanakan mempunyai sebab tertentu.

Abdullah berkata, kerajaan sekarang bukanlah kerajaan yang mahu mencari populariti dengan hanya mengambil tindakan yang disukai rakyat.

"Kita naik tol bukan nak seronok-seronok. Ada sebabnya tol naik. Kerajaan tak buat sesuatu tanpa sebab. Ada kewajarannya kerana kerajaan bertanggungjawab. Kita bukan kerajaan nak cari populariti. Kalau

kerajaan cari populariti, apa orang nak, kita buat. Apa orang nak, kita buat.

Sementara itu, Abdullah yang juga Presiden Umno berkata, Umno Pahang belum menyerahkan kepadanya senarai tujuh bakal calon BN yang akan dipertimbang bagi kerusi DUN Batu Talam.

Katanya, beliau akan meneliti senarai bakal calon sebelum memutuskannya.

Mengenai penggabungan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dan Utusan Melayu, Abdullah berkata, cadangan balas daripada pihak berkenaan akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu belum dibatalkan kerana perbincangan masih diadakan di antara pihak terbabit.

"MT Umno belum membuat apa-apa keputusan kerana ini membabitkan Utusan (Melayu). Jadi, waktu ini tiada tindakan dilaksanakan untuk penggabungan. Kita telah pun memberi pandangan kepada pihak yang mencadangkan untuk menggabungkan Utusan, NST, Berita Harian di bawah satu entiti iaitu Media Prima.

"Kita dah bincang dengan begitu halus dan meluas. Dengan itu, kita akan tunggu apakah cadangan balas yang diberikan oleh pihak mereka," katanya.

### **Tajuk Artikel: 'MPAJ tak patuh arahan'**

**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 9 Januari 2007 – Selasa  
Oleh Hafizah Iszahanid**

KUALA LUMPUR: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) didakwa memperlekehkan arahan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkaitan isu pemindahan gerai di Jalan Pandan 3/4, Pandan Jaya.

Seorang penduduk, Chew Jyn Chyn mendakwa aduan sudah dibuat secara berperingkat sejak 1999 dan Dr Mohamad Khir mengeluarkan arahan memindahkan gerai berkenaan bertarikh 5 Disember 2002.

Bagaimanapun, katanya, MPAJ tidak mengendahnya dan arahan itu tidak dilaksanakan hampir lima tahun.

"Saya tidak faham. Apakah Dr Mohamad Khir tidak ada kuasa hingga MPAJ ingkar arahnya. Kalau betul lebih baik dia letak jawatan saja," katanya.

Chew berkata, sebelum dua barisan kedai yang memuatkan 30 gerai dibina di Jalan 3/4, kawasan itu dikhaskan untuk tempat meletak kenderaan.

Ia selaras pelan asal pembangunan pusat komersial itu. Bagaimanapun, pada 2000, sebanyak 30 gerai dibina di tapak berkenaan, iaitu bertentangan pelan asal tapak gerai yang sepatutnya dibina di Jalan 3/10, berdekatan Stesen LRT Pandan Jaya.

Katanya, tindakan MPAJ membina gerai di lokasi berkenaan menyebabkan penduduk sukar meletakkan kenderaan setiap kali berurusan di situ.

Chew berkata lebih rumitkan apabila MPAJ menguatkuasakan sistem bayaran letak kereta sehingga orang ramai menjadi mangsa saman dan ada yang didakwa ke mahkamah.

Beliau juga mendakwa antara peniaga berkenaan adalah warga asing.

Sebelum ini penduduk mengemukakan bantahan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas yang ketika itu Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kemudian merujuknya kepada Dr Mohamad Khir dalam surat bertarikh 24 September 2003.

Sementara itu seorang peniaga berkata, setiap bulan beliau membayar RM300 sebagai bayaran sewa gerai kepada MAPJ.

"Justeru, tapak perniagaan ini sah dan diluluskan MPAJ. Lokasi perniagaan sudah dibuka enam tahun lalu tetapi saya mula berniaga sejak tiga tahun lalu," katanya.

**Tajuk Artikel: Rakyat perlu miliki inspirasi hasilkan reka cipta – PM**  
**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 9 Januari 2007 – Selasa**  
**Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI**

KUALA LUMPUR 8 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat negara ini memiliki inspirasi dan kesungguhan untuk menghasilkan teknologi reka cipta tempatan tanpa bergantung kepada teknologi luar.

Perdana Menteri berkata, dalam hal ini pembabit masyarakat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) amat perlu supaya setiap penemuan teknologi dapat memakmurkan kualiti kehidupan rakyat.

"Ini mesti dijadikan pilihan utama kerana dengan adanya peningkatan R&D, kita mampu mempunyai teknologi sendiri tanpa perlu menggunakan teknologi negara lain.

"Bahkan, sekiranya kesungguhan itu ada pada masyarakat, maka hasrat untuk melahirkan lebih ramai masyarakat Ulul Al-bab akan tercapai.

"Kita mahu melahirkan antara 5,000 hingga 10,000 masyarakat Ulul Al-bab menjelang tahun 2020," katanya ketika berucap merasmikan Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam di sini, hari ini.

Abdullah menjelaskan, negara tidak akan maju jika modal insan tidak berkualiti dan tidak cukup menguasai bidang-bidang tertentu terutama dalam sains dan teknologi.

"Apa yang kita usahakan dalam sistem persekolahan dan institusi pengajian tinggi yang ada sekarang adalah bagi melengkapkan lagi usaha supaya kita menjadi bangsa yang berjaya dan mencapai Wawasan 2020.

"Sehubungan itu, kita perlu mengejar kecemerlangan, kegemilangan dan kejayaan serta segala perancangan yang bakal dilaksanakan mestilah ke arah itu," katanya.

Menurut Abdullah, adalah penting tenaga yang ada mempunyai keupayaan dari segi ilmu pengetahuan, kekuatan mental dan batin serta kesungguhan untuk mengejar kemajuan.



ABDULLAH Ahmad Badawi diberi penerangan oleh Dr. Fuat Sezgin (tengah) mengenai glob bumi dan pergerakan bintang sambil diperhatikan Dr. Jamaludin Jarjis pada majlis Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam. – Gambar Raja Jaafar Ali.

Mengenai pameran tersebut yang mempamerkan 148 bahan berupa replika model-model hasil ciptaan ilmuwan Islam silam dalam pelbagai bidang sains dan teknologi, Abdullah berkata, ia membuktikan tamadun Islam telah mencapai kecemerlangan sejak zaman dahulu.

"Saya harap semua yang mengunjungi pameran ini sama ada rakyat Malaysia, orang Islam, pelajar dan orang bukan Islam rasa terpengil serta mempunyai inspirasi untuk mengikuti jalan yang dipilih oleh saintis dalam mereka cipta bagi kebaikan manusia," katanya.

Kata beliau, dari apa yang dilihat, segala reka cipta itu mempunyai satu matlamat iaitu untuk kesejahteraan manusia.

"Ia menambah baik bidang pertanian, sains hayat, perubatan dan penyelidikan supaya umat Islam pada waktu itu menjadi umat yang cemerlang, sekali gus menjadikan dunia Islam dunia yang cemerlang."

Pada majlis tersebut, Abdullah turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kepada Pengasas dan Pengarah Institut Sejarah Sains Islam-Arab, Johann Wolfgang Goethe Universiti Frankfurt, Jerman, Prof. Dr. Fuat Sezgin.

Selain itu, sebuah kursi Prof. Dr. Fuat Sezgin akan diwujudkan di UTM.

### **Tajuk Artikel: PM umum penubuhan Kursi Dr. Fuat Sezgin Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 9 Januari 2007 – Selasa**

KUALA LUMPUR 8 Jan. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan penubuhan Kursi Profesor Dr. Fuat Sezgin bagi membolehkan ilmu dan kajian profesor itu dikongsi bersama dengan sarjana tempatan.

Penubuhan kursi itu diumumkan pada majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Profesor Dr. Fuat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Pada majlis itu, Dr. Fuat, 83, yang menumpukan hampir 30 tahun dalam ilmunan sejarah sains Islam turut menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains UTM daripada Perdana Menteri.

Penganugerahan itu turut disaksikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Naib Canselor UTM, Datuk Profesor Ir. Dr. Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali.

Kursi tersebut ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam merealisasikan hasrat melahirkan sarjana sains Islam yang unggul selain memperkasa modal insan negara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Mohd. Zulkifli berkata, pihak universiti begitu komited untuk memastikan nilai dan prinsip Islam dibangunkan, dimakmurkan dan diperkembangkan terutamanya kepada generasi muda.

Prinsip

"Pemilihan Kursi Fuat Sezgin di UTM yang saya percaya adalah satu langkah bijak dalam mengekalkan tradisi dan falsafah kami berdasarkan kepada prinsip Islam," katanya dalam ucapan dan ucap jasa pada majlis penganugerahan itu.

Majlis tersebut diadakan sempena Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam, Sains Islam Mendahului Zaman di pusat konvensyen itu.

Dr. Fuat dilahirkan pada 24 Oktober 1924 di Istanbul, Turki. Beliau merupakan seorang doktor falsafah lulusan Universiti Istanbul, Turki dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Bahasa dan Kesusasteraan Parsi, Islamologi serta Matematik.

Beliau memegang jawatan sebagai seorang profesor di Fakulti Falsafah, Universiti Istanbul dari tahun 1961-1963.

Dr. Fuat merupakan Pengasas dan Pengarah Kehormat Institut Sejarah Sains Arab-Islam yang diasaskan pada tahun 1982 di Johann Wolfgang Goethe, Universiti Frankfurt, Jerman.

Antara karya yang dihasilkan beliau ialah buku *Buhdri nin kay naklan hakkinda arastirmalar* yang bermaksud 'Sumber- sumber al-Bukhari' diterbitkan pada 1956 di Istanbul, naskhah Sejarah Sains Arab yang telah diterbitkan sebanyak 13 jilid dari tahun 1967 hingga 1995 serta penerbitan sebanyak lima jilid Sains dan Teknologi Dalam Islam.

Antara anugerah yang pernah diperoleh beliau ialah pemenang tempat pertama Hadiah King Faisal untuk pengajian Islam pada 1978, Pingat Goethe (1979), Anugerah Kelas Pertama Persekutuan Perkhidmatan Palang dari Persekutuan Republik Jerman (1982) serta anugerah Palang Utama Perkhidmatan Kehormat Order of Merit, Persekutuan Republik Jerman (2001).

**Tajuk Artikel: RM500 juta peruntukan pinjaman peniaga terjejas banjir – PM**  
**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 9 Januari 2007 – Selasa**  
**Oleh Habibah Omar dan Norliza Abd. Rahman**

PUTRAJAYA 8 Jan. – Bank Negara Malaysia menyediakan peruntukan RM500 juta di bawah Skim Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa (KJBI) sebagai pinjaman kepada peniaga yang terjejas akibat banjir di beberapa kawasan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kemudahan pinjaman melalui skim itu dibuka mulai hari ini sehingga 31 Mac.

Jumlah maksimum pinjaman di bawah skim KJBI bagi sesebuah kumpulan syarikat adalah dihadkan kepada RM500,000.

Beliau berkata, ia boleh diperoleh daripada bank-bank komersial dan Islam, Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad serta Bank Pertanian Malaysia.

Tiada cagaran diperlukan bagi mendapatkan pembiayaan itu dan bank-bank dijangka memberikan kelulusan dalam tempoh dua minggu.

Kadar pinjaman yang dicaj adalah pada kadar tetap 2.5 peratus setahun dan bagi sistem kewangan Islam, kadar tokokan di bawah kontrak Murabahah atau Bai' Bithaman Ajil juga ditetapkan pada kadar 2.5 peratus setahun.

"Kadar faedah ini sangat rendah berbanding biasa iaitu sekitar 6.69 peratus dan ini pertolongan yang sangat besar (kepada rakyat)," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Pinjaman ini akan diberi jaminan menerusi Credit Guarantee Corporation (CGC) bagi 80 peratus daripada jumlah pembiayaan termasuk pokok dan faedah.

Abdullah berkata, ciri-ciri utama skim KJBI ialah ia terbuka kepada perniagaan yang terjejas di kawasan yang dikenal pasti oleh Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Jabatan Perdana Menteri sebagai kawasan bencana banjir.

Jumlah RM500 juta itu katanya, mungkin akan ditambah mengikut keperluan kerana mangsa banjir di negeri lain juga memerlukan pinjaman untuk memulihkan perniagaan mereka.

Katanya, BNM menetapkan tempoh pinjaman maksimum adalah selama tiga tahun dengan tempoh kelonggaran selama enam bulan.

Perniagaan yang memerlukan bantuan kewangan boleh mula berurusan dengan institusi kewangan yang melaksanakan skim berkenaan.

Abdullah turut menggalakkan institusi kewangan dan insurans mengambil pendekatan pro-aktif masing-masing dengan melaksanakan program bantuan bagi mengurangkan beban kewangan pelanggan mereka yang terjejas akibat banjir.

"Ini mungkin merangkumi menangguhkan sementara pembayaran pinjaman bank, menstruktur semula pinjaman, dikecualikan yuran transaksi atau caj pinjaman, pembayaran tuntutan insurans dipercepatkan serta pelanjutan proses urus niaga di kawasan terjejas," katanya.

Menurut beliau, bagi memudahkan pelaksanaan langkah berkenaan, BNM akan memberikan beberapa fleksibiliti pengawalan yang perlu kepada institusi terbabit.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Institusi Kewangan masing-masing untuk sebarang pertanyaan atau bantuan.

Orang ramai boleh menghubungi BNM pada talian 03-26920091 atau 03-26988044 sambungan 8949 dan 8970 untuk keterangan lanjut.

Jelasnya, skim yang ada juga dipanjangkan ke negeri lain yang terlibat dengan banjir kerana kerajaan tidak mahu membezakan langkah yang diambil untuk membantu mereka yang terlibat dengan banjir.

Abdullah berkata, kejadian banjir baru-baru ini tidak akan mendatangkan kesan yang besar ke atas pertumbuhan negara dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Beliau berkata, kerajaan juga mengekalkan sasaran pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus bagi tahun ini.

**Tajuk Artikel: Abdullah: Kikis persepsi negatif**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 9 Januari 2007 – Selasa**

PUTRAJAYA 8 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta seluruh kakitangan kerajaan menjadikan tahun baru 2007 sebagai tahun untuk mengikis persepsi masyarakat awam yang melihat perkhidmatan itu sebagai lemah.

Perdana Menteri berkata, kakitangan kerajaan juga perlu mengikis persepsi masyarakat yang melihat perkhidmatan tersebut bukan sahaja tidak elok dan tidak bermaya dalam berkhidmat kepada rakyat, malah gagal melaksanakan dasar dan strategi kerajaan.

Beliau menegaskan, setiap kakitangan awam perlu menjadikan kesungguhan untuk mengubah persepsi ini sebagai satu iltizam atau tugas besar.

“Saya ada dengar laporan akhbar dan daripada kawan-kawan yang hadir pada satu seminar. Mereka kata dasar dan strategi yang Pak Lah perkenalkan baik, tetapi yang menyedihkan apabila mereka cakap fasal pelaksanaan.

“Daripada apa yang saya baca dan dengar itu, ada pandangan yang diberikan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan kelembapan pelaksanaan kerana sistem penyampaian khidmat kerajaan kepada awam masih lemah.

“Maknanya ini adalah satu teguran, satu kritikan atau adakah ini satu kecaman terhadap kita semua khususnya ke atas pentadbiran, pegawai kerajaan atau jabatan-jabatan kerajaan?” tegasnya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Abdullah berkata, beliau bimbang sekiranya tiada usaha di peringkat pelaksana untuk mempercepatkan projek dan program untuk rakyat, akan timbul pula andaian-andaian baru bahawa ia ada hubung kait dengan masalah rasuah.

Kata beliau, bila rasuah dan kelemahan dikaitkan, ia akan membawa padah kepada kerajaan dan rakyat.

“Kita tidak mahu dilihat sebagai anggota kerajaan yang dipandang tidak elok oleh orang. Kita mahu orang lihat kita sebagai anggota yang berwibawa dan dihormati dan bukan depan cakap elok, di belakang kita macam-macam cakap tak baik,” katanya.

Bagaimanapun kata Abdullah, perkara tersebut mesti dilihat secara positif dan sekiranya ia satu andaian atau persepsi yang telah lama wujud, adalah menjadi usaha setiap kakitangan awam untuk mengikisnya supaya tidak menjadi lagi satu persepsi.

Mengenai satu seminar yang membincangkan pencapaian tiga tahun pentadbirannya baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, beliau berasa tidak seronok apabila mendapati terdapat peserta yang merungut mengenai kelemahan dalam sistem penyampaian jabatan kerajaan kepada orang awam.

“Apabila saya baca mengenainya, memang saya rasa tidak seronok dan ia boleh dilihat sebagai kritikan langsung terhadap pentadbiran, kakitangan dan jabatan kerajaan,” katanya.

Sehubungan itu kata Abdullah, beliau berharap untuk mendapatkan pandangan- pandangan yang lebih jelas dan khusus daripada mereka yang terlibat dalam perbincangan itu.

**Tajuk Artikel: Banjir jejas bekalan buku teks di Lembah Klang**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 9 Januari 2007 – Selasa**

**Oleh NORILA DAUD**

KUALA LUMPUR 8 Jan. – Permintaan buku-buku teks daripada pengarah-pengarah pelajaran di negeri-negeri yang mengalami banjir secara terus kepada penerbit menjadi punca kedai-kedai buku sekolah di sekitar Lembah Klang kehabisan stok untuk sesetengah mata pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar berkata, keadaan ini berlaku berikutan arahan Kementerian Pelajaran yang meminta penerbit memberi keutamaan membekalkan buku-buku ke negeri-negeri dilanda banjir.

“Pengarah-pengarah pelajaran di negeri-negeri boleh meminta supaya dibekalkan buku-buku teks terus oleh penerbit kepada mereka dan ini adalah tambahan kepada peruntukan bantuan buku teks ke sekolah-sekolah yang telah rosak akibat banjir,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan majlis dialog bersama pengetua dan guru besar sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Noh menjelaskan, keadaan ini telah menjejaskan stok buku-buku teks di pasaran terbuka kerana penerbit yang sama membekalkan buku-buku teks ke pasaran luar.

Sebenarnya, menurut beliau, ramai yang terkeliru dan menganggap semua pelajar mendapat bantuan buku teks percuma tetapi pada hakikatnya hanya pelajar yang benar-benar layak, menerimanya.

Berikutan kehabisan stok di kedai-kedai sekolah, ibu bapa cuba membelinya di pasaran terbuka yang melibatkan buku Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris untuk sekolah rendah, manakala sekolah menengah membabitkan teks Bahasa Inggeris, Sejarah dan Pendidikan Islam.

Berhubung kelewatan pelajar-pelajar mendapatkan buku teks walaupun sesi persekolahan telah masuk minggu kedua, beliau berkata, pihaknya akan menghubungi penerbit untuk mencetak buku tambahan dengan seberapa segera.

Mengenai yuran sekolah yang tidak seragam, beliau berkata, sebenarnya yuran wajib untuk sekolah menengah ialah RM45 dan untuk sekolah rendah tidak melebihi RM35.

Katanya, yuran-yuran lain telah ditetapkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah masing-masing dan kadar ini perlu dipatuhi ibu bapa sebagai meningkatkan prestasi sekolah.

“Jika terdapat ibu bapa yang tidak berpuas hati maka mereka perlulah menyelesaikannya dalam mesyuarat PIBG,” katanya.

Terdahulu pada majlis yang sama, Noh menerima cek replika bernilai RM15,000 daripada kumpulan muzik rock, Slank dari Indonesia untuk diserahkan kepada Biro Membasmi Dadah UMNO Malaysia.

Kumpulan tersebut telah mengadakan konsert pada 5 Januari di Stadium Merdeka sempena Karnival Rasa Sayang.

## **Tajuk Artikel: Perbetul tanggapan**

**Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 9 Januari 2007 – Selasa**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam yang sedang berlangsung di sini, akan mencetuskan minat rakyat menceburi bidang sains, teknologi dan reka cipta.

Perdana Menteri berkata, kejayaan saintis terdahulu wajar menjadi ikutan kerana apa yang dihasilkan mereka terbukti meningkatkan martabat umat Islam sebagai ummah yang cemerlang.

“Inilah yang patut menjadi matlamat kita...kita mesti terangsang, rasa terpanggil untuk mengambil langkah untuk mereka cipta dan membabitkan diri dalam pelbagai bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D),” katanya ketika merasmikan pameran itu di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengarah Institute for the History of Arabic-Islamic Science, Johann Wolfgang Goethe University, Profesor Dr Fuat Sezgin.

Pameran di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) berlangsung hingga 14 Januari ini.

Abdullah berkata, jika masyarakat sudah mempunyai perubahan daripada segi pemikiran dan kecenderungan terhadap sains dan teknologi, negara akan mampu meningkat ke tahap lebih maju.

Perdana Menteri berkata, bagi menjamin pembangunan negara pada masa depan, perlu juga dipastikan rancangan untuk membina tamadun insan benar-benar berjaya.

Beliau berkata, Malaysia tidak akan menjadi maju dan berjaya jika modal insan yang ada gagal membuktikan kemampuan untuk menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

“Jadi apa yang kita usahakan sekarang, sama ada sistem sekolah atau pengajian tinggi, adalah untuk membangunkan modal insan yang kita harap akan menjadi tenaga penting untuk meningkatkan usaha pembangunan kita supaya akhirnya nanti kita menjadi bangsa maju dan berjaya,” katanya.

Abdullah berkata, untuk meningkat ke tahap negara maju, rakyat Malaysia perlu terus menuntut ilmu yang boleh memberi manfaat selain membuktikan mereka mampu untuk menghasilkan teknologi sendiri.

“Dengan ilmu pengetahuan yang ada itu kita perlu mereka cipta apa juga teknologi yang dapat kita hasilkan, yang membawa kepada kemajuan insan serta meningkatkan kualiti modal insan bangsa kita,” katanya.

Pameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam - Sains Islam Mendahului Zaman berlangsung selama tiga bulan, bermula di KLCC mulai semalam sehingga 14 Januari, sebelum dibawa ke Pusat Sains Negara dari 23 Januari hingga 31 Mac.

Matlamat utama pameran ialah membetulkan tanggapan masyarakat Islam bahawa pencarian ilmu bukan semata-mata kepada ilmu naqli atau ilmu wahyu tetapi juga ilmu aqli (akal) supaya wujud keseimbangan dalam pembangunan modal insan.

Kumpulan sasaran ialah saintis, ahli akademi, tokoh agama, ahli korporat, profesional, guru, pelajar dan masyarakat umum.

Sebanyak 148 replika ilmuwan sains Islam dibawa dari Jerman, yang menjadi koleksi Profesor Fuat.

Sementara itu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) semalam mengumumkan penubuhan Kursi Sains dan Teknologi dalam Islam dan menamakannya sempena nama Dr Fuat.

Cendekiawan itu ialah profesor dari Turki berusia 82 tahun yang mengasaskan satu daripada pusat penyelidikan paling berprestij di dunia bagi sumber dan pengetahuan mengenai warisan intelektual Budaya Arab-Islam.

Pada majlis sama, Abdullah turut menyampaikan ijazah kehormat Doktor Sains daripada UTM kepada Dr Fuat. – Bernama

**Tajuk Artikel: Bukan cari duit tambah**

**Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 9 Januari 2007 – Selasa**

**Oleh Manan Samad**

**manansamad@hmetro.com.my**

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak akan berganjak dengan keputusan awal menaikkan tol di lima lebuhraya di Lembah Klang biarpun ada bantahan daripada segelintir pihak.

"Kita menaikkan tol bukan kerana nak seronok-seronok cari duit tambah. Ada sebabnya dan sebabnya dah diterangkan. Kerajaan tak lakukan sesuatu tanpa sebab, tanpa ada kewajarannya.

"Sebab kerajaan bertanggungjawab bukan nak cari populariti, kalau nak cari populariti kerajaan ikut saja apa orang nak," katanya pada sidang media mengumumkan penubuhan Skim Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa (KJBI) di sini, semalam.

Abdullah berkata, kelulusan menaikkan kadar tol itu dibuat dengan teliti walaupun tindakan itu tidak menyenangkan rakyat.

"Insya-Allah, bagi mereka yang fikir akan nampak kewajaran. Bagi mereka yang nak ambil kesempatan, nak susahkan kerajaan, nak cari undi...tak ada apa yang betul bagi mereka," katanya.

Beliau mengulas tindakan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti pembangkang yang menganjurkan demonstrasi membantah kenaikan tol di lebuhraya berkenaan.

Kenaikan tol antara 20 hingga 60 peratus di Lebuhraya Damansara-Puchong, Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Cheras-Kajang, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Koridor Guthrie, bermula 1 Januari lalu.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri memaklumkan belum ada tindakan lanjut bagi menggabungkan Utusan Melayu dan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di bawah satu entiti dan cadangan itu belum dibatalkan.

Katanya, Media Prima Berhad (Media Prima) juga belum menyerahkan cadangan balas kepadanya selepas idea penggabungan itu dibincangkan secara terperinci sebelum ini.

"MT Umno belum membuat apa-apa keputusan kerana ini membabitkan Utusan (Melayu). Jadi, waktu ini tiada tindakan dilaksanakan untuk penggabungan," katanya.

### **Tajuk Artikel: Jurujual kurung penghuni**

**Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 9 Januari 2007 – Selasa**

**Oleh Ibrahim Isa**

**[ibrahim@hmetro.com.my](mailto:ibrahim@hmetro.com.my)**

JOHOR BAHRU: Cubaan membunuh! Itulah yang dilakukan dua jurujual barangan jualan langsung, apabila mengunci dua beranak di dalam rumah mereka menggunakan mangga lain, di rumah pangsa Jalan Malinja, Bandar Baru Uda di sini, baru-baru ini.

Tindakan tiga lelaki Cina itu mengunci penghuni menggunakan mangga lain dipercayai kerana berang, apabila kehadiran mereka untuk menjual barangan berdasarkan taktik gores dan menang tidak dilayan penghuni berkenaan.

Berikutan itu, mereka mengunci jeriji besi dari luar menggunakan mangga lain tanpa disedari penghuni, sekali gus membahayakan keselamatan sekiranya berlaku kebakaran.

Penduduk, Rafidah Ngainon, 28, berkata ketika kejadian kira-kira jam 7 malam dia berada di rumah bersama ibu, Zaleha Ridwan, 52, sebelum pintu hadapan rumah diketuk beberapa kali.

"Ketika itu ibu sedang mandi untuk menunaikan solat Maghrib dan saya membuka pintu. Saya dapati dua lelaki Cina berusia dalam lingkungan 20-an cuba menjual barangan kepada saya menerusi gores dan menang.

"Secara kebetulan, saya pula sibuk membersihkan rumah dan memberitahu mereka saya tidak berminat membeli barangan kerana bimbang ditipu sebelum menutup pintu," katanya.

Dia kemudian meneruskan kerja membersihkan rumah sebelum solat dan berehat bersama ibunya di ruang tamu, sambil menonton televisyen tanpa menyedari pintu besi rumahnya itu dikunci dari luar menggunakan mangga lain.

Katanya, dia hanya sedar mereka dikunci dari luar apabila suaminya, Zarin Bujang, 32, pulang ke rumah selepas kerja kira-kira jam 12.30 tengah malam selepas kunci kepunyaan suaminya itu tidak dapat membuka mangga berkenaan.

Zarin berkata, apabila melihat mangga itu dia terkejut kerana tidak tahu keluarganya menukar mangga.

"Saya terpaksa mengetuk pintu sambil memberi salam kepada isteri dan memintanya membuka mangga baru di jeriji besi kerana dia tiada kunci mangga berkenaan.

"Bagaimanapun, mereka terkejut apabila diberitahu mengenai mangga berkenaan dan saya terpaksa meminjam gergaji besi dari jiran dan membuang kira-kira sejam bagi memotong jeriji besi tempat mangga itu kerana mangga itu tidak dapat dipotong.

"Selain itu, saya terpaksa meminjam alat mengimpal besi untuk mengimpal semula jeriji yang dipotong, bagi membolehkan kami menggunakan mangga semula," katanya.

Menurutnya, dia diberitahu jiran di atas rumah dan blok bersebelahan turut dikunci dari luar menggunakan mangga lain, dipercayai dilakukan penjual barangan langsung yang menggunakan taktik gores dan menang selepas berang kehadiran mereka tidak dilayan.

Katanya, semua penduduk kesal dengan kejadian itu dan beranggapan, ia seolah-olah cubaan membunuh kerana rumah pangsa hanya mempunyai satu pintu dan mereka mengunci satu-satunya pintu keluar bagi menyelamatkan diri sekiranya berlaku kecemasan seperti kebakaran.

Zaleha berkata, apabila sedar mereka dikunci dia berasa bimbang kerana tidak boleh keluar rumah kerana tiada kunci.

"Syukurlah menantu mak cik pulang dan membuka mangga itu dengan memotongnya. Kalaulah berlaku apa-apa sebelum menantu makcik pulang, tak tahulah apa nasib kami," katanya.

Menantu Zaleha, Ghazali Mohd Yassin, 35, berkata dia diberitahu mengenai kejadian pada 28 November lalu itu minggu lalu dan kini, berpakat dengan semua tiga keluarga mangsa di flet itu untuk membuat laporan polis dalam tempoh terdekat ini.

**Tajuk Artikel: Dr M Cadang Pemegang Konsesi Supaya Telus Mengenai Kutipan Tol**  
**Sumber / Tarikh: Bernama Online 9 Januari 2007 – Selasa**

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat pemegang konsesi lebuhraya harus mendedahkan berapa jumlah tol yang dikutip sehingga ini bagi menangani rasa tidak puas hati rakyat terhadap kenaikan tol baru-baru ini.

Bekas perdana menteri itu berkata jumlah trafik mungkin telah meningkat lima kali ganda sejak perjanjian mengenai tol dimenterai.

"Sepatutnya pendapatan syarikat pemegang konsesi seharusnya telah meningkat. Jadi saya fikir eloklah dia bagi maklumat tentang banyak mana dia kutip sekarang ini," katanya pada sidang akhbar bagi mengumumkan penganjuran satu persidangan antarabangsa bulan depan sebagai usaha menjadikan perang itu satu jenayah.

Dr Mahathir, yang memimpin kerajaan selama 22 tahun sebelum berundur pada 2003, mencadangkan supaya perjanjian konsesi dirundingkan semula sambil berkata syarikat pemegang itu mungkin boleh bertimbang rasa selagi mereka tidak mengalami kerugian.

Tol boleh dinaikkan tetapi kadarnya tidak seharusnya sangat tinggi, katanya ketika ditanya mengenai bantahan parti pembangkang dan badan bukan kerajaan Ahad terhadap kenaikan tol oleh lima syarikat pemegang konsesi lebuhraya mulai 1 Jan lalu.

Mengenai trend harga minyak mentah menurun, Dr Mahathir berkata jika harga itu kekal rendah, maka kerajaan mungkin menimbangkan pengurangan harga produk petroleum di negara ini.

"Saya fikir kita harus sentiasa melihat pada harga dan melihat apa yang kita boleh lakukan untuk menyediakan bantuan kepada rakyat," katanya sambil sentiasa mengingatkan media bahawa beliau bukannya lagi perdana menteri.

Persidangan akhbar itu menyaksikan Dr Mahathir, dengan gaya biasanya yang tegas, menjawab semua soalan daripada kritiknya terhadap kerajaan kepada situasi di selatan Thailand.

Sambil berjanji akan tetap dengan caranya, beliau berkata: "Saya akan mengkritik apa juga yang salah sama ada ia dilakukan oleh kerajaan kita atau kerajaan lain. Itu memang menjadi prinsip saya walaupun ketika saya menjadi perdana menteri.

"Saya tidak akan teragak-agak. Jika sebuah negara itu yang paling kuat di dunia, jika mereka melakukan sesuatu yang salah, saya akan cakap dan mereka dipersilakan untuk berkata sesuatu apabila saya salah. Sudah tentu mereka kata saya salah selama ini, kerajaan yang teruk selama 22 tahun."

Dr Mahathir, yang mengalami masalah serangan jantung ringan akhir tahun lepas, menyangkal anggapan bahawa beliau telah menyepi buat seketika.

"Kini jantung saya sudah dibaiki tetapi saya tidak mempunyai forum untuk bercakap apa-apa. Media tidak akan siarkan apa yang saya cakap. Jadi saya dilihat amat sepi tetapi sebenarnya dalam otak saya masih ada banyak bunyi," katanya.

Mengenai konflik di selatan Thailand antara puak pemisah Islam dengan tentera kerajaan, Dr Mahathir berkata beliau berminat mendamaikan kedua-dua pihak itu.

Bagaimanapun, katanya pejuang Islam itu harus menggugurkan tuntutan untuk sebuah negara merdeka atau autonomi daripada Bangkok bagi mencapai perdamaian dalam wilayah yang dilanda konflik itu.

"Mereka memang mempunyai rungutan tetapi saya beritahu mereka secara jelas bahawa mereka tidak harus melakukan sebarang usaha untuk menjadi negara merdeka atau menuntut autonomi kerana kerajaan Thailand tidak suka itu.

"Tetapi mereka boleh membuatkan beberapa rungutan mereka diberi perhatian oleh kerajaan Thai," kata Dr Mahathir yang mengambil peranan sebagai orang tengah dalam usaha menyelesaikan pertikaian antara pihak yang bertelingkah itu.

Dr Mahathir juga diminta memberi komen mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam temu bual dengan akhbar Bangkok Post bahawa kritikan terhadap Khairy Jamaluddin telah menghancurkan periuk nasi menantunya.

"Ia adalah periuk nasi yang sangat besar, mencecah ratusan juta ringgit. Berapa banyak nasi yang anda boleh makan," katanya.

-- BERNAMA

## **Tajuk Artikel: Belum Ada Keputusan Mengenai Penggabungan Utusan-NSTP - Abdullah**

**Sumber / Tarikh: Bernama Online 9 Januari 2007 – Selasa**

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata belum ada sebarang keputusan dibuat mengenai cadangan penggabungan Utusan Melayu (M) Berhad dan The New Straits Times Press (NSTP).

Sama ada cadangan untuk menggabungkan kedua-dua syarikat akhbar itu akan berlaku atau tidak, adalah bergantung kepada apakah cadangan balas daripada pihak berkenaan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno sebelum sebarang keputusan diambil, kata Perdana Menteri.

"Ertinya pada waktu ini tidak ada pendekatan yang diambil untuk melaksanakan apa juga tindakan (cadangan penggabungan)," katanya pada sidang akhbar untuk mengumumkan Skim Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa (KJBI) bagi membantu peniaga yang menanggung beban kewangan akibat banjir baru-baru ini.

Abdullah berkata sebelum ini kerajaan telah pun memberikan pandangan tertentu kepada pihak yang mencadangkan untuk menggabungkan Utusan dan NSTP di bawah satu entiti iaitu Media Prima.

"Kami juga sudah bincang dengan begitu halus dan meluas, dengan itu kita tunggu apakah pandangan balas yang akan diberikan oleh pihak mereka," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Talam, Abdullah berkata setakat ini beliau belum menerima senarai cadangan nama calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding pada pilihan raya 28 Jan ini.

Bagaimanapun Perdana Menteri yakin BN akan terus memegang kerusi Batu Talam dan yakin jentera pilihan raya bagi kawasan itu akan berusaha memastikan kemenangan tetap milik BN.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakil rakyat BN, Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada 27 Dis lepas kerana barah paru-paru dan usus.

Ditanya sama ada kenaikan tol, minyak dan harga barangan lain akan menggugat kemenangan BN di kawasan itu, Abdullah berkata kerajaan tidak menaikkan harga tol dan barangan dengan sengaja atau untuk tidak menjadi popular.

Dalam isu lain, Abdullah ketika diminta mengulas tanggapan sesetengah pihak bahawa beliau tidak prihatin dengan penderitaan masyarakat apabila meneruskan percutiannya pada waktu rakyat berhadapan dengan musibah, Abdullah berkata: "Saya sentiasa memantau walaupun dari jauh".

"Apa yang berlaku pada waktu banjir, kita akui banyak orang yang menderita kerananya tetapi kita ada jentera khas yang telahpun diwujudkan dan saya memang tahu benar tentang jentera ini kerana saya pernah menjadi pengerusi jawatankuasa banjir untuk pastikan apa yang telahpun diputuskan sebagai langkah untuk membantu, dilaksanakan," katanya.

Malah Perdana Menteri berkata ketika di luar negara, beliau sering berhubung dengan timbalannya Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai keadaan banjir dan memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk membantu mangsa yang terlibat.

-- BERNAMA

### **Tajuk Artikel: PM Ajak Rakyat Libat Diri Dalam Bidang Sains Dan Teknologi Sumber / Tarikh: Bernama Online 9 Januari 2007 – Selasa**

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam yang sedang berlangsung di sini akan mencetuskan minat rakyat menceburi bidang sains, teknologi dan reka cipta.

Perdana Menteri berkata kejayaan para saintis terdahulu wajar menjadi ikutan kerana apa yang dihasilkan oleh mereka terbukti telah meningkatkan martabat umat Islam sebagai ummah yang cemerlang.

"Inilah yang patut menjadi matlamat kita...kita mesti terangsang, rasa terpanggil untuk mengambil langkah-langkah untuk mereka cipta dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang R&D," katanya ketika merasmikan pameran itu di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed dan Pengarah Institute for the History of Arabic-Islamic Science, Johann Wolfgang Goethe University, Prof Dr Fuat Sezgin.

Pameran di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur itu berlangsung hingga 14 Jan ini.

Abdullah berkata jika masyarakat sudah mempunyai perubahan daripada segi pemikiran dan kecenderungan terhadap sains dan teknologi, negara akan mampu meningkat ke tahap lebih maju.

Perdana Menteri juga berkata bagi menjamin pembangunan negara pada masa depan, perlu juga dipastikan bahawa rancangan untuk membina tamadun insan benar-benar berjaya.

Beliau berkata Malaysia tidak akan menjadi maju dan berjaya jika modal insan yang ada gagal

membuktikan kemampuan untuk menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

"Jadi apa yang kita usahakan sekarang, sama ada sistem sekolah ataupun pengajian tinggi, adalah untuk membangunkan modal insan yang kita harap akan menjadi tenaga penting untuk meningkatkan usaha pembangunan kita supaya akhirnya nanti kita menjadi bangsa maju dan berjaya," katanya.

Abdullah berkata untuk meningkat ke tahap negara maju, rakyat Malaysia perlu terus menuntut ilmu yang boleh memberi manfaat selain membuktikan mereka mampu untuk menghasilkan teknologi sendiri.

"Dengan ilmu pengetahuan yang ada itu kita perlu mereka cipta apa juga teknologi yang dapat kita hasilkan, yang membawa kepada kemajuan insan serta meningkatkan kualiti modal insan bangsa kita," katanya.

"Dengan itu, amat penting tenaga yang ada pada kita itu berupaya daripada segi mentalnya, ilmu pengetahuan dan kekuatan rohani untuk mengejar dan menempa kemajuan," katanya.

Perdana Menteri juga berharap Malaysia dapat melahirkan seramai mungkin masyarakat 'ulul al-bab' iaitu barisan insan yang berupaya menganalisis, menguasai sains, memahami falsafah dan menguasai teknologi, dengan menyasarkan 5,000 hingga 10,000 menjelang 2020.

"Mereka inilah yang akan memainkan peranan besar dalam menjana pembangunan bangsa dan negara, serta memberi sumbangan kepada manusia sejagat."

Mengenai pameran itu, Abdullah berkata bahan-bahan yang diketengahkan merupakan tanda dan bukti kegemilangan Islam dalam bidang sains dan teknologi.

Penemuan para saintis itu juga merupakan sumbangan yang amat besar kepada tamadun insan, katanya.

-- BERNAMA

## **Tajuk Artikel: PM Gesa Pengusaha Pelancongan Lakukan Yang Terbaik Untuk Pelawat**

**Sumber / Tarikh: Bernama Online 9 Januari 2007 – Selasa**

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu agensi dan mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan supaya melakukan yang terbaik dalam memastikan pelancong menikmati pengalaman paling menyeronokkan sepanjang kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007.

Perdana Menteri berkata pelancong patut dilayani dengan baik dan kehendak mereka dipenuhi dengan cepat.

Perlu juga ada koordinasi yang baik dalam kalangan agensi terlibat supaya setiap orang tahu apa yang lain lakukan dalam usaha untuk menarik dan menghiburkan pelawat yang disasarkan seramai 20 juta ke negara ini tahun ini, katanya.

"Kita tidak mahu pelawat menghadapi sebarang kesusahan yang membuatkan mereka tidak menyukai negara kita, " katanya pada perhimpunan bulanan kakitangan Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Perdana Menteri yang melancarkan TMM Sabtu lepas menarik perhatian bahawa jangkakan lebih daripada RM40 bilion pendapatan yang bakal diraih daripada sektor pelancongan adalah sesuatu yang baik untuk negara.

"Kita akan `mengesport' perkhidmatan kita kepada pelawat kita memandangkan mereka akan menginap di hotel kita, pergi membeli belah, bergerak dengan menggunakan sistem pengangkutan kita dan sebagainya," katanya.

Abdullah berkata Malaysia dengan masyarakat pelbagai kaum dan agama merupakan satu aset yang menjadi kunci utama kepada pembangunan masa depan negara dan ini patut dipamerkan kepada pelawat asing negara.

"Diharapkan mereka akan melihat negara kita dari aspek ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata 2007 merupakan tahun Malaysia akan merayakan ulangtahun ke-50 kemerdekaan dan oleh itu beliau berharap akan membawa Malaysia mengecap kejayaan lebih hebat sehingga sampai ke puncak keterbilangan.

-- BERNAMA

## **Tajuk Artikel: Kikis Persepsi Negatif Dikaitkan Dengan Perkhidmatan Awam - Abdullah**

**Sumber / Tarikh: Bernama Online 9 Januari 2007 – Selasa**



**KIKIS PERSEPSI NEGATIF...** "Bila rasuah dan kelemahan itu dikaitkan, ini mungkin membawa padah kepada kerajaan dan kita semua. Kita mahu supaya orang lihat kita sebagai anggota yang berwibawa, yang dihormati," kata Abdullah pada perhimpunan bulanan pertama untuk tahun ini bagi kakitangan JPM. *Foto: Azman Firdaus*

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata tugas terbesar bagi kakitangan awam tahun ini ialah untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengikis persepsi kurang baik yang dikaitkan dengan sektor awam iaitu lemah, tidak cekap dan kurang bermaya.

Perdana Menteri berkata beliau kecewa apabila membaca dan mendengar laporan bahawa walaupun dasar dan strategi kerajaan adalah baik, wujud kelemahan daripada segi pelaksanaannya.

Abdullah berkata beliau bimbang sekiranya tiada usaha jitu di peringkat pelaksana untuk mempercepatkan pelaksanaan projek dan program untuk rakyat, mungkin akan timbul persepsi bahawa ia berpunca daripada rasuah dalam perkhidmatan awam.

"Bila rasuah dan kelemahan itu dikaitkan, ini mungkin membawa padah kepada kerajaan dan kita semua. Kita tidak mahu dilihat sebagai anggota (pentadbiran awam) yang dipandang tidak elok oleh orang.

"Kita mahu supaya orang lihat kita sebagai anggota yang berwibawa, yang dihormati," katanya pada perhimpunan bulanan pertama untuk tahun ini bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri di sini.

Menyentuh mengenai satu seminar baru-baru ini yang membincangkan mengenai pencapaian tiga tahun

pentadbiran beliau, Abdullah berkata beliau berasa sedih apabila mendapat tahu bahawa peserta merungut mengenai apa yang mereka lihat sebagai kelemahan dalam sistem penyampaian.

Ini, katanya boleh dilihat sebagai kritikan secara langsung terhadap pentadbiran, kakitangan dan jabatan kerajaan.

"Apabila saya baca mengenai perkara ini, memang saya rasa tak seronok. Dan saya berharap untuk mendapat pandangan lebih khusus lagi mengenai apakah aspek-aspek yang tidak memberi kepuasan kepada mereka yang terlibat dalam perbincangan (pada seminar) itu," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata sebaik sahaja kelemahan-kelemahan dalam sistem penyampaian dikenal pasti, barulah kerajaan boleh mengambil langkah untuk mengatasinya.

Namun, Abdullah berkata perkara itu patut dilihat secara positif dan mengingatkan kakitangan awam supaya membuat komitmen untuk mengikis apa juga persepsi negatif yang dikaitkan dengan perkhidmatan awam.

-- BERNAMA

## **Tajuk Artikel: PM Akan Umum Insentif Baru Bantu Perniagaan Terjejas Akibat Banjir**

**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 9 Januari 2007 – Selasa**



Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.  
*Foto: Bernama*

SEGAMAT, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan insentif pinjaman baru bagi membantu perniagaan yang terjejas akibat banjir bulan lepas, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Chua Soi Lek hari Ahad.

Bercakap kepada pemberita pada pelancaran kempen kesihatan di sini, beliau berkata Kabinet telah membincangkan perkara itu dan bersetuju bahawa pinjaman kerajaan itu sama ada berbentuk tanpa faedah atau faedah rendah.

"Kerajaan boleh memberi pelbagai jenis bentuk pinjaman untuk menghidupkan semula perniagaan mereka. Kami hanya membincangkan itu dan oleh kerana Menteri Kewangan adalah Perdana Menteri, beliau sahaja boleh membuat pengumuman itu," katanya.

Bagaimanapun, Dr Chua tidak menyatakan bila Perdana Menteri akan membuat pengumuman tersebut.

Katanya semua jenis perniagaan daripada pemborong kepada peniaga warung boleh memohon dan menikmati insentif pinjaman tersebut.

Dr Chua berkata mesyuarat mingguan Kabinet lepas juga turut membincangkan kerosakan infrastruktur

awam dan masalah sampah akibat banjir.

"Kabinet meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting untuk mempercepatkan semua kerja-kerja baik pulih dan mahu semua kementerian membantu dalam menyiapkan semua kerja itu secepat mungkin," katanya.

Mengenai bantuan kepada sektor pertanian, Dr Chua berkata bentuk bantuan kepada pekebun dan peladang akan dibincangkan pada mesyuarat Kabinet Rabu ini.

-- BERNAMA